

Newspaper	SELANGORKINI
Date	14 APRIL 2017

Tun M: saya oren, Najib epal

Selangorkini - 14/4/2017

SHAH ALAM - Pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM), Tun Dr Mahathir Mohamad menegaskan, pentadbiran beliau ketika bergelar perdana menteri sangat jauh berbeza dengan pentadbiran perdana menteri hari ini, Datuk Seri Najib Razak.

Ketika menjelaskan perbezaan itu, Mahathir menyifatkan perbezaan antara mereka bagaikan buah oren dan epal.

"Cubaan menyamakan zaman saya dan Najib adalah cubaan menghalalkan perbuatan Najib, sedangkan kami sangat berbeza.

"Saya oren, Najib epal, sangat berbeza," kata Mahathir ketika hadir sebagai panelis program 'Hard Talk' Ganti Debat di Kompleks Belia dan Kebudayaan Selangor, pada 7 April lalu.

Katanya, berbeza dengan Najib, beliau tidak pernah bertindak menukar Peguam Negara bagi mengelakkan beliau daripada didakwa.

Katanya, di era beliau sebagai perdana menteri pelbagai isu seperti skandal BMF bebas diperdebatkan di Parlimen berbanding Najib yang sedaya upa-

ya menyekat daripada skandal 1Malaysia Development Berhad (1MDB) dibincangkan Ahli Parlimen.

"Kerajaan siasat kerugian ini dan Ahli Parlimen boleh bangkitkan secara terbuka tetapi apa yang Najib buat ialah dia letakkan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA)," katanya.

Selain itu, Najib pada masa ini juga jelas mengawal dua komponen penting dalam doktrin pemerintahan demokrasi di negara ini iaitu eksekutif dan legislatif.